

CNS2014

R GB 06-01 00192 BA962

bah

Mahathir - Ekonomi

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 9.30 MALAM INI)

PERDAGANGAN DAN PELABURAN ANTARA NEGARA ASEAN PERLU DITINGKAT

I

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara anggota ASEAN supaya penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) benar-benar memberi makna.

Beliau berkata usaha ke arah itu perlu dilakukan sekarang supaya ASEAN dapat berkembang dengan cepat menjadi sebuah pertubuhan yang benar-benar dinamik dan mampu menghadapi cabaran yang lahir daripada pengwujudan kumpulan ekonomi serantau di bahagian lain di dunia.

Beliau berkata selaras dengan keputusan Persidangan Kemuncak Keempat ASEAN (di Singapura awal tahun lepas), Malaysia telah mengorak langkah ke arah pelaksanaan Skim Keistimewaan Sama Rata (CEPT) dan AFTA.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis makan malam bagi meraikan Perdana Menteri Thai Encik Chuan Leekpai di Sri Perdana malam ini. Chuan tiba di sini petang ini untuk lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia.

+Kita mesti bersedia mengkaji konsep-konsep yang berbeza dan tahap-tahap kerjasama yang akan membantu mengukuhkan ASEAN secara keseluruhannya.+ -- Lagi.

▼06/01/19-39MST

CNS2015

R GB 06-01 00192 BA963

bah

Mahathir - Ekonomi 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata, didorong oleh hasrat itulah Malaysia sangat berminat untuk berbincang dengan kerajaan-kerajaan Thailand dan Indonesia mengenai pendekatan bercorak kewilayahan kepada kerjasama ekonomi.

Ini terutamanya menyentuhi rancangan Segi Tiga Pertumbuhan Utara yang melibatkan negeri-negeri di bahagian utara Malaysia dan wilayah di Thailand Selatan serta Sumatera Utara.

+Memandangkan kepada faedah-faedah bersama yang akan diperolehi, saya yakin yang anda akan memberi pertimbangan dan perhatian sewajarnya kepada gagasan itu,+ kata beliau.

Dr Mahathir berkata hanya melalui kekuatan ekonomi, ASEAN boleh memainkan peranan yang berkesan dalam mempertahankan kepentingannya dalam lingkungan dunia yang lebih luas, termasuk perlindungan bagi perdagangan bebas yang begitu penting kepada kesejahteraan ASEAN.

Mengenai kerjasama antara Malaysia dan Thailand, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara, sejak bertahun-tahun, telah membina rangkaian kerjasama yang kukuh. Bagaimanapun lebih banyak perlu dilakukan untuk menggunakan sepenuhnya potensi perdagangan dan peluang ekonomi yang terdapat di negara satu sama lain.

Beliau melahirkan sukacitanya dengan penubuhan Lembaga Bersama Malaysia-Thailand, yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, bagi mencari gali dan mengusahakan bersama sumber-sumber bukan hidupan di pelantar benua yang bertindih. -- Lagi.

▼06/01/19-40MST

CNS2022

R GB 06-01 00093 BA964

bah

Mahathir - Ekonomi 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata beliau yakin yang lembaga bersama itu akan menjadi satu lagi contoh kerjasama yang bermakna antara Malaysia dan Thailand.

Beliau berkata perdagangan antara Malaysia dan Thailand juga telah meningkat dengan pesat sejak beberapa tahun ini. Pada 1987, jumlah perdagangan dua hala ialah RM2,400 juta dan ia meningkat kepada RM5,400 juta pada 1991.

Kini Thailand merupakan rakan perdagangan yang kedua besarnya bagi Malaysia dari kalangan anggota ASEAN dan pelabur asing yang ke-14. --
Bernama.

▼06/01/19-47MST